

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	20/1/2017	MUKA SURAT	: 35
JABATAN	:	UMUM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Motosikal kapcai bukan penyebab udara Kuala Lumpur tercemar

Kenyataan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor beberapa hari lalu bahawa pihaknya sedang mengkaji kemungkinan untuk melarang motosikal berpapasti enjin kecil atau 'kapcai' masuk ke ibu negara mengundang reaksi balas pelbagai pihak.

Motosikal bukan sahaja digunakan sebagai kaedah pengangkutan dari rumah ke tempat kerja, tetapi juga digunakan untuk tugasan harian.

Tanpa motosikal, sukarlah posmen dan penghantar kurier menjalankan tugas mereka, meskipun mungkin suatu masa nanti akses jalinan pengangkutan awam seperti bas dan LRT semakin menyeluruh dan tanggangannya berpautan.

Tidak mustahil juga bandaraya Kuala Lumpur akan bertambah sesak nanti jika pengguna motosikal beralih kepada kereta. Saiz motosikal yang kecil juga meningkatkan ruang parkir. Kita tahu ruang parkir di bandar agak terhad.

Selain itu, kadar pelepasan asap motosikal tidaklah begitu besar kesannya kepada alam sekitar kerana

kebanyakan motosikal yang banyak dijual di pasaran negara ini adalah dari jenis empat lejang yang lebih mesra alam berbanding motosikal dua lejang.

Asap bas, lori punca udara tercemar

Pada pengamatan saya, kenderaan yang menggunakan enjin diesel seperti bas dan lori serta jentera pembinaan lebih banyak membaskan asap berbanding motosikal.

Asap tebal kehitaman yang dilepaskan kenderaan jenis ini adalah disebabkan standard diesel di negara kita masih pada tahap Euro 2M berbanding Euro 5 dan Euro 6 yang biasa digunakan di negara maju.

Jika pihak berkuasa benar-benar serius untuk meningkatkan kualiti udara di dalam bandar, mungkin boleh ikuti langkah Singapura yang pada 2014 menetapkan peraturan mengenai had pelepasan asap kenderaan berat dari Malaysia yang memasuki republik berkenaan.

Selain itu, penguasaan bas di Lembah Klang perlu diberi galakan untuk menggunakan bas yang le-


bih mesra alam seperti mewajibkan bas menggunakan diesel Euro 5, gas asli (NGV), hibrid dan elektrik.

Bas Nadi Putra yang beroperasi di Putrajaya misalnya beroperasi menggunakan bas berkuasa NGV dan bakal memperkenalkan bas berkuasa elektrik menjelang Mac depan.

Penggunaan bahan api teksi

Pada masa sama, hasrat kerajaan untuk mengurangkan kadar pelepasan karbon monoksida di dalam bandar juga bakal terjejas kerana ketika ini difahamkan teksi di Lembah Klang kembali menggunakan bahan api petrol kerana sukar mendapatkan bekalan NGV di stesen minyak PETRONAS. Di harap masalah ini dapat diatasi seberapa segera.

Kesimpulannya, ada kaedah lain yang boleh diusahakan bagi menambah baik kualiti udara di Kuala Lumpur dan tidak wajar untuk mengharapkan motosikal memansuiki bandar raya.



Mat Kapcai,
Kuala Lumpur



Cadangan menghalang motosikal 'kapcai' masuk ke ibu negara untuk menjaga kualiti alam sekitar dianggap tidak relevan.